

AADK aktifkan komuniti tingkat kesedaran bahaya dadah

Oleh AMIR ANUAR

UB 11.8.2017 2

AGENSI Anti Dadah Kebangsaan (AADK) mengambil inisiatif mengaktifkan komuniti dengan mendekati golongan sasar menerusi penganjuran program sembang santai.

Pegawai AADK Tawau Abd Ghani Keruput berkata, objektif program itu mengaktifkan komuniti menerusi usaha kumpulan penggerak dalam meningkatkan kesedaran bahaya dadah.

“Termasuklah perancangan dan pelaksanaan program serta aktiviti pencegahan yang

melibatkan tumpuan dalam proses penyelesaian isu atau masalah,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas penganjuran program itu di Merotai Besar, di Tawau pada Selasa, yang dihadiri pemimpin setempat dan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT).

Pelajar terlibat mewakili Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang mengambil jurusan Special Program For Alcohol And Drug Abuse (SPADA) di IPT berkenaan.

“Penglibatan aktif ahli komuniti menjadi indikator asas menjayakan sesuatu program, justeru penglibatan mereka boleh

memastikan perubahan dapat dicapai,” katanya.

Abd Ghani berkata, penglibatan komuniti dipengaruhi sokongan rakan sebaya, siri perjumpaan yang menyakinkan ahli serta mendengar pandangan dan keperluan mereka.

Antara ciri-ciri positif yang diterapkan termasuklah komuniti berhubung secara personal dengan ahli dan menjadikan isu sesuatu yang menarik minat.

“Kita juga membina situasi yang boleh meningkatkan kemahuan ahli melakukan sesuatu untuk komuniti, membina perasaan kebergunaan dan

kepunyaan,” katanya. Hadir sama, Pembantu

Menteri Pembangunan Sumber dan Teknologi

Maklumat Datuk Hamisa Samat yang juga Ahli

Dewan Undangan Negeri Tanjung Batu.



PARA peserta program merakamkan gambar bersama Hamisa dan Abd Ghani.